

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, adalah seorang pemimpin yang dinamik dan berpandangan jauh memainkan peranan yang jauh lebih aktif dalam hal ehwal antarabangsa berbanding dengan pemimpin-pemimpin sebelum ini.¹ Falsafah dan gaya beliau dalam hubungannya dengan negara-negara luar berbeza dengan pemimpin yang terdahulu. Biarpun memimpin sebuah negara kecil, tetapi beliau tetap berani untuk mengemukakan gagasan besar mengenai politik antarabangsa, serta mempertahankan kepentingan negara-negara membangun dengan mendedahkan hipokrasi negara-negara maju. Beliau tidak takut untuk menyatakan pandangan secara berterus terang, walaupun kenyataan yang dibuat itu adakalanya dicemuh oleh negara-negara yang lebih besar.

Dr. Mahathir tidak ragu-ragu menggunakan forum-forum antarabangsa untuk membidas negara-negara maju yang terus membelakangkan kepentingan negara-negara membangun. Beliau membangkitkan isu Antartika supaya benua tersebut diwarisi oleh semua umat manusia berdasarkan kepada pertimbangan keadilan.² Usaha Dr. Mahathir Mohamad memperjuangkan isu tersebut mendapat kritikan hebat kerana dikatakan

¹ Murugesu Pathmanathan, *Malaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, Petaling Jaya: Economic Research Associates, 1990, hlm. 1

² Govin Alagasari, *Mahathir: The Awakening*, Uni-Strength Sdn. Bhd., hlm. 130

sebagai tidak rasional, membazir dan membuang masa sahaja.³ Sebagai anggota Pertubuhan Negara-Negara Selatan-G-15, beliau menyeru agar pertubuhan itu memperjuangkan nasib rakyat dan masyarakat dunia ketiga kerana pada pendapat beliau negara-negara Utara tidak ikhlas membantu negara-negara Selatan dari segi ekonomi dan tindakan mereka hanya laungan semata-mata.⁴ Dr. Mahathir Mohamad juga mengutarakan beberapa isu penting dalam sidang Komanwel, terutamanya tentang masalah ketidakadilan perdagangan antarabangsa, penjajahan dan juga penentangan terhadap isu aparteid di Afrika Selatan, penjajahan politik dan ekonomi, kemerdekaan Namibia, pererangan global terhadap dadah, masalah kebuluran dan kemiskinan, konflik di Asia Barat, konflik di Afghanistan dan Kampuchea serta hubungan di antara negara kaya dan miskin.⁵

Di atas keberanian beliau, Dr. Mahathir diiktiraf sebagai jurucakap negara-negara membangun.⁶ Beliau mengisi kekosongan pimpinan dalam forum-forum antarabangsa selepas berundurnya tokoh-tokoh seperti Julius Nyerere (Tanzania), Kenneth Kaunda (Zambia), Ahmad Sukarno (Indonesia), Jawaharlal Nehru (India), Josip Broz Tito (Yugoslavia), Gamal Abdel Nasser (Mesir), Kwame Nkrumah (Ghana) dan beberapa yang lain. Satu waktu dahulu terutama, di tahun-tahun 1960-an pemimpin-pemimpin itulah yang paling lantang menuntut keadilan dalam politik antarabangsa dan menentang penindasan yang dilakukan oleh negara-negara maju terhadap negara-negara

³ Mohd. Yusuf Ahmad, *Continuity and Change in Malaysia's Foreign Policy, 1981-1986*, Tesis PhD., Fletcher School of Law and Diplomacy, Tufts University, USA, 1990, hlm. 366

⁴ Chandra Muzaffar, "The Height of Hypocrisy" dalam Aliran Monthly, 1995, Vol. 15 No. 5, hlm. 35

⁵ Mokhtar bin Muhamad, *Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn Dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Dari 1970-1990. Kesinambungan Dan Perubahan*, 1998, Tesis Phd., Universiti Malaya, hlm. 458

⁶ M.S. Dobbs-Higginson, *Asia Pacific - Its Role In The New World Order*, London: Mandarin Paperback, 1994, hlm. 315 -

yang baru merdeka.⁷ Malah pemimpin dunia maju sendiri mula mengenali Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang wajar didengar pendapatnya. Ini terbukti kerana apa yang diucapkan oleh beliau mendapat liputan media barat.⁸

Apabila pandangan seseorang pemimpin menjadi rujukan institusi-institusi yang berpengaruh di luar negeri, bermakna bahawa beliau sudah berjaya menonjolkan dirinya bukan sekadar pemimpin negara yang diwakilinya, bahkan juga sebagai pemimpin yang bertindak bagi pihak masyarakat yang lebih besar, iaitu masyarakat negara-negara membangun. yang setaraf dengannya. Sehubungan dengan kenyataan di atas, kajian ini dibuat bagi melihat corak kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad di peringkat antarabangsa dan sejauh manakah keberkesanan peranan yang dimainkannya sebagai jurucakap negara-negara membangun.

1.2 Pernyataan Masalah

Selepas ketiadaan tokoh-tokoh politik yang bersuara lantang dari kalangan negara-negara membangun, Dr. Mahathir Mohamad dikatakan telah tampil sebagai pemimpin sebuah negara kecil yang bersedia bermusuhan dengan kuasa-kuasa besar kerana mempertahankan dan memperjuangkan hak negara-negara kecil. Beliau dikatakan melanjutkan amalan kritikal pemimpin dunia yang lain sebelum beliau dan terdapat persetujuan bahawa di kalangan negara-negara membangun bahawa Dr. Mahathir Mohamad berjaya mewakili mereka. Oleh yang demikian itu, kajian ini diharapkan dapat memperjelaskan apakah faktor-faktor yang mendorong beliau begitu lantang menentang

⁷ Chamil Wariya, *Dasar Luar-Era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1989, hlm. 45

⁸ ibid. hlm. iv

negara-negara maju dan melihat kewajaran beliau berbuat demikian. Pengkaji juga ingin menganalisis adakah tindakan sedemikian itu bertujuan semata-mata menonjolkan imej dirinya sebagai seorang tokoh politik yang berwibawa dari Asia yang ingin membela nasib negara-negara membangun dan seterusnya menggunakan dasar luarnya untuk memenuhi kepentingan nasional dalam forum-forum antarabangsa.

Sejak Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih kuasa politik dari Tun Hussein Onn pada tahun 1981, banyak perubahan telah berlaku dalam pendekatan dasar luar negara. Jika ditinjau evolusi dasar luar Malaysia ia telah bertukar dari sebuah negara yang pro Barat dan antikomunis kepada sebuah negara yang berkecuali. Tidak keterlaluan jika dikatakan perubahan yang ketara telah berlaku di zaman pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad . Asas pegangan Malaysia dengan negara asing tidak lagi dilandaskan kepada ideologi atau politik seperti sebelum itu. Malaysia sedia menjalin hubungan dengan mana-mana negara yang mempunyai ideologi dan sistem politik yang bertentangan dengannya sekiranya hubungan itu boleh memberi manfaat ekonomi kepadanya.

Mengikut kajian yang dibuat oleh Johan Saravanamuttu, didapati bahawa dasar luar era Dr. Mahathir Mohamad lebih tertumpu bukan saja kepada soal keselamatan dan keutuhan wilayah malah lebih menjurus kepada soal kepentingan ekonomi dan pembangunan negara (*goals of state and nation building*).⁹ Penulis berpendapat era Dr. Mahathir Mohamad dianggap sebagai rejim ekonomi kapitalis yang bersifat autoritarian yang sentiasa mencari peluang memperluaskan ekonominya selaras dengan perubahan dan perkembangan semasa politik serantau selepas tamatnya perang dingin. Menurut

⁹ Johan Saravanamuttu, "Malaysia's Foreign Policy in The Mahathir Period, 1981-1985: An Iconoclast Come to Rule", *Asian Journal of Political Science*, Volume 4 Number 1 June 1996, hlm. 7

penulis lagi dasar luar negara dipengaruhi oleh cita-cita Dr. Mahathir Mohamad yang mahu melihat Malaysia sebagai sebuah negara NICs-Newly Industrialized Countries.¹⁰ Noordin dalam membincangkan dasar luar Malaysia turut menyatakan faktor kepentingan ekonomi sebagai dasar utama Dr. Mahathir Mohamad. Menurut beliau ia dapat dilihat dalam pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur, *Buy British Last* dan EAEC serta falsafah Dr. Mahathir Mohamad '*prosper-thy-Neighbour*'.¹¹ Justeru itu kajian ini dapat meneliti apakah faktor diplomasi ekonomi serta pendirian yang bermusuhan Dr. Mahathir Mohamad sebenarnya memberi kesan langsung kepada halatuju dasar luar Malaysia dalam jangkamasa yang panjang.

Selain dari itu, kajian ini juga diharapkan dapat memperjelaskan bagaimana faktor dasar luar negara memberi implikasi ke atas kekuatan politik domestik beliau. Juga dianalisis bagaimana dasar luar negara tersebut dipergunakan sebagai instrumen bagi memenuhi matlamat dan kepentingan politik beliau dalam negari serta memantap dan memperkuuhkan lagi kedudukan beliau sebagai seorang tokoh politik yang lama memerintah di Asia.

1.3 Objektif Kajian

Pada asasnya, kajian ini mempunyai beberapa matlamat seperti berikut.

1. Mengkaji corak kepimpinan yang cuba ditonjolkan oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam menguruskan dasar luar negara yang jauh berbeza dengan gaya kepimpinan oleh pemimpin Malaysia sebelumnya.

¹⁰ ibid

¹¹ Noordin, S., "Malaysian Foreign Policy in the Coming Decade: Some Key Challenges and Necessary Responses", dlm. M.A. Karim, L. Howell, dan G. Okuda (ed), *Malaysian Foreign Policy: Issues and Perspectives*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, hlm. 118-21

2. Meninjau bagaimana dasar luar negara yang diperkenalkan di bawah era pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad dipergunakan bagi tujuan memenuhi kepentingan politik tempatan. Di sini pengkaji cuba mengkaji hubungkait faktor-faktor politik tempatan ke atas pengurusan polisi luar negara.
3. Melihat adakah keberanian serta kelantangan Dr. Mahathir dalam membuat kritikan terhadap tindak tanduk negara-negara maju, khususnya negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, memperkuatkannya lagi kedudukan kuasa politik beliau di tanah air. Dalam kajian ini siri-siri ucapan Dr. Mahathir di forum-forum antarabangsa akan dianalisis bagi meninjau sejauhmanakah keberkesanan tindakan beliau dalam menaikkan imej beliau sebagai pemimpin Malaysia yang terulung.
4. Menganalisis apakah kewajaran bagi pemerhati politik menggelar beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun sedangkan beliau hanyalah seorang pemimpin politik dari Asia yang hanya mewakili sebuah negara yang kecil dan mungkin tidak dikenali ramai di dunia. Apakah pandangan beliau patut didengar kerana beliau satu-satunya pemimpin Asia yang lantang bersuara dan seterusnya diiktiraf sebagai 'Spokesman of Asia'.
5. Mengkaji bagaimana orientasi dasar luar negara yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir dapat memenuhi matlamat dan kepentingan nasional secara am.

1.4 Kepentingan Kajian

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, rasional kajian ini adalah untuk melihat bagaimana orientasi dasar luar negara yang dibawa oleh Dr. Mahathir Mohamad membolehkan beliau digelar sebagai jurucakap negara-negara membangun. Selain itu, kajian ini juga dapat memperjelaskan persoalan sama ada orientasi dasar luar negara Dr. Mahathir Mohamad itu membantu menonjolkan dirinya sebagai jurucakap negara-negara membangun dan seterusnya diterima dan diiktiraf oleh negara-negara membangun yang lain. Dalam menjawab persoalan ini, maka ucapan-ucapan Dr. Mahathir Mohamad di forum-forum antarabangsa, khususnya di perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan dianalisis, selain daripada ucapan-ucapan beliau di persidangan antarabangsa yang lain.

Kajian ini juga dibuat kerana pengetahuan tentang kepimpinan Dr. Mahathir adalah dikira penting untuk memahami dengan jelas tentang kejayaan beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun. Selain itu ia juga untuk membantu kita menilai dan mengukur sejauh manakah keberkesanan pendekataan dasar luar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu membolehkan beliau digelar sebagai "*Spokesman of Asia*". Kajian ini juga membolehkan kita mengetahui adakah benar bahawa usaha beliau dalam membawa isu-isu melibatkan kepentingan negara-negara membangun, memberikan kewajaran kepada kita untuk memberikan gelaran sebagai jurucakap negara-negara membangun

Selain itu, kajian ini juga cuba melihat apakah kehendak dan matlamat politik domesik mempengaruhi hala tuju dasar luar negara yang secara langsung memberi kesan

yang amat ketara kepada ketokohan dan kepimpinan beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan berikut setelah dianalisis secara kritikal.

1. Apakah pendekatan dasar luar Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara membangun?
2. Bagaimanakah faktor ekonomi mempengaruhi Dasar Luar Malaysia?
3. Bagaimanakah faktor personaliti atau gaya kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad berjaya menyelesaikan masalah dan isu-isu negara-negara membangun?
4. Apakah isu-isu utama negara-negara membangun dalam era Dr. Mahathir Mohamad?

1.6 Limitasi Kajian

Walaupun banyak karya ditulis tentang kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad tetapi ternyata tidak menyebut kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad sebagai jurucakap negara-negara membangun. Kebanyakannya lebih tertumpu kepada skop kepimpinan beliau dalam politik tempatan khususnya dalam parti UMNO dan bukan lagi di peringkat antarabangsa. Walaupun terdapat karya-karya seperti *Dasar Luar Era Mahathir, Winds of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy, Malaysia Dan Dunia Luar:*

Sumbangan Mahathir dan Readings in Malaysian Foreign Policy yang membincangkan perubahan dasar-dasar luar di zaman Dr. Mahathir Mohamad, tetapi ia gagal dalam menganalisis faktor-faktor dasar luar tersebut dalam mempengaruhi ketokohan beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun. Oleh yang demikin itu, diharapkan kajian ini akan dapat membantu kita meninjau dan menganalisis peranan yang dimainkan oleh beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun serta membantu kita memahami dengan lebih terperinci lagi pendekatan yang digunakan oleh beliau dalam menjuarai isu-isu negara-negara membangun serta mempertahankan kepentingan mereka di peringkat antarabangsa.

1.7 Konsep Dasar Luar Negara

Dasar luar diwujudkan untuk memenuhi matlamat tertentu, terutama dalam memanjangkan kepentingan sesebuah negara itu di luar sempadannya. Ini kerana setiap negara yang merdeka dan berdaulat mempunyai nilai-nilai asas yang ingin dipertahankan daripada dimusnahkan atau dicerobohi oleh pihak-pihak lain di luar terutama yang bermusuhan dengannya. Nilai asas ini juga terangkum sebagai keselamatan nasional sesebuah negara.¹²

Para pengkaji hubungan antarabangsa mengenalpasti bahawa dua nilai minimum asas yang ingin dipertahankan oleh sesebuah negara merdeka ialah keutuhan wilayah dan kebebasan politiknya. Mengikut Arnold Wolfers, inilah dua nilai asas yang ingin dipertahankan oleh mana-mana negara. Pengkaji lain seperti Stephen Krasner dan Harold

¹² ibid., hlm. 2

Brown menganggap bahawa selain dari nilai utama yang disebutkan tadi, satu lagi yang menjadi pertimbangan dalam dasar luar negara ialah kepentingan ekonomi.¹³ Sarjana politik yang lain pula berpendapat matlamat dan objektif dasar luar tidak berdasarkan kepada kepentingan ekonomi, sosial atau politik semata-mata. Misalnya K.J. Holsti dalam bukunya, *International Politics: A Framework for Analysis* membahagikan objektif dasar luar sesebuah negara kepada tiga kategori yang utama iaitu matlamat jangka pendek, matlamat jangka pertengahan dan matlamat jangka panjang.¹⁴

Beliau menghuraikan matlamat jangka pendek sebagai mempertahankan nilai asas nasional sesebuah negara yang berkisar pada soal kebebasan dan kedaulatan tanahairnya. Matlamat jangka pertengahan pula meliputi beberapa perkara yang melampaui kepentingan asas yang ingin diperjuangkan oleh negara berkenaan termasuk memenuhi matlamat ekonominya, memelihara kebijakan dan sosial serta melakukan usaha-usaha di peringkat antarabangsa yang boleh meningkatkan imej dan prestij negara itu.

Menurut Holsti lagi, sesetengah negara akan cuba menggunakan dasar luar jangka pertengahannya yang agresif seperti ketenteraan bagi meluaskan pengaruh ke atas negara-negara lain. Pada zaman moden ini fenomena ini mugkin tidak begitu ketara namun begitu ia dilakukannya dengan mempengaruhi negara lain mencontohi sistem hidup atau ideologi yang diamalkannya supaya orang lain juga seragam dengannya.¹⁵

¹³ ibid., hlm. 3

¹⁴ ibid.

¹⁵ ibid., hlm. 4

Matlamat dasar luar juga boleh digolongkan dengan kategori yang berlainan, walaupun pada asasnya ia memenuhi cita-cita yang telah disebut oleh Holsti tadi. Misalnya, Hans Morgenthau dalam bukunya, *A New Foreign Policy For the US* juga dapat mengkategorikan objektif dasar luar kepada tiga iaitu objektif nasional, objektif subnasional dan objektif supranasional.¹⁶

Mengikut Hans Morgenthau objektif nasional ialah mempertahankan nilai asas kepentingan dan keselamatan sosial. Matlamat subnasional pula merujuk kepada usaha yang dibuat oleh sesebuah negara untuk menjaga kepentingan golongan yang berpengaruh dalam sesebuah negara di peringkat antarabangsa. Manakala supranasional pula merujuk kepada perjuangan untuk mewujudkan dunia yang melampaui kepentingan bangsa itu sendiri.

James N. Rosenau, dalam karyanya, *Pre Theories and Theories of Foreign Policy* menyatakan bahawa terdapat lima dimensi atau lima set angkubah dalam membuat keputusan dasar luar negara.¹⁷ Beliau menerangkan angkubah idiosinkratik, angkubah main peranan (*role model variable*), kerajaan, masyarakat and sistematik mempengaruhi sesebuah negara dalam menentukan dasar luar negara. Beliau mentafsirkan angkubah idiosinkratik sebagai faktor kepimpinan pembuat dasar yang bertanggungjawab dalam memperkenal dan melaksanakan sesebuah dasar luar negara. Ia termasuk nilai, latarbelakang pendidikan, pengalaman silam dan minat seseorang pemimpin yang boleh mempengaruhi keputusan membuat dasar. Angkubah main peranan (*role model variable*)

¹⁶ ibid., hlm. 6

¹⁷ James N. Rosenau, "Pre-Theories and Theories of Foreign Policy", dlm. R. Barry Farrel (ed), *Approaches to Comparative and International Politics*, Evanston: Northwestern Universiti Press, 1976, hlm. 42

pula berhubungkait dengan tingkahlaku para pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan polisi luar negara. Angkubah kerajaan pula berdasarkan aspek-aspek bentuk organisasi sesebuah kerajaan tersebut yang menghadkan dasar luar negara dari digubal oleh pembuat keputusan. Manakala angkubah masyarakat ditafsirkan sebagai elemen-elemen bukan kerajaan yang menentukan dasar atau polisi luar negara. Akhir sekali angkubah sistematik dinyatakan sebagai aspek '*nonhuman*' iaitu persekitaran luaran atau kejadian di luar negara yang dianggap akan mempengaruhi dasar luar sesebuah negara itu. Rosenau menyatakan kedudukan geografi dan perubahan ideologi sesebuah negara sebagai contoh angkubah sistematik.¹⁸

Menurut Karl W. Deutsh pula, membuat keputusan polisi luar negara adalah kombinasi di antara maklumat baru dan pengalaman. Bagi beliau elemen penting dalam membuat dasar luar adalah berasaskan kepada aspek peluang. Ia digambarkan oleh beliau melalui Model Komunikasi. Menurut model ini unsur yang penting sekali ialah tindakbalas (*feedback*) di mana ia akan mempengaruhi perlakuan membuat keputusan dasar luar sesebuah negara. Dalam model Kaskade¹⁹ pula beliau berkata, pengaliran komunikasi dan membuat keputusan adalah interaksi yang berlaku di antara lima peringkat iaitu elit sosio-ekonomi, elit politik dan kerajaan, media massa, pendapat pemimpin tempatan dan pandangan masyarakat awam. Dalam model ini setiap lima kumpulan ini mempunyai pengalaman dan maklumat serta autonominya sendiri dan boleh bertindak menolak atau menerima serta mentafsirkan maklumat yang tidak disukainya. Setiap kumpulan ini akan bertindak menghantar maklumat kepada semua

¹⁸ ibid., hlm. 43

¹⁹ Murugesu Pathmanathan, *Readings In Malaysian Foreign Policy*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Bhd. 1980, hlm.110

ataupun beberapa kumpulan yang lebih tinggi peringkatnya apabila membuat keputusan polisi luar negara.²⁰

Lerche dan Said dalam karya mereka, *Concepts of International Politics*, mengemukakan matlamat sebagai asas dasar luar negara dan membahagikannya kepada enam kategori.²¹ Kategori pertama yang disebut sebagai menjaga dan memelihara kepentingan negara dianggap sebagai matlamat yang utama. Kepentingan negara selalu dijadikan pertimbangan yang utama apabila sesebuah negara membuat keputusan dasar luar negara. Tambah beliau, negara akan sentiasa bertindak untuk memaksimumkan peluang-peluang yang ada untuk terus wujud di dunia. Keselamatan, menurut penulis, adalah matlamat yang kedua penting kerana iklim sistem politik antarabangsa yang tidak menentu menjadikan masa depan sesebuah negara tidak terjamin. Oleh yang demikian itu bagi mengekalkan kewujudan negara maka setiap negara akan bertindak untuk mengatur strategi dalam membentuk dasar luar yang dapat menjamin negaranya daripada ancaman kuasa lain. Melalui matlamat keselamatan ini, negara akan cuba mengurangkan ancaman ke tahap yang paling minimum.

Seterusnya dalam membicarakan tentang kebijakan sebagai matlamat yang ketiga penting, penulis berkata kebijakan umum rakyat adalah diutamakan jika dibandingkan dengan kepentingan golongan individu atau kumpulan lain. Apabila sesuatu dasar luar

²⁰ ibid.

²¹ Charles O. Lerche, Jr. dan Abdul A. Said, *Concepts of International Politics*, New Jersey: Prentice-Hall Inc., 1963, hlm.10

negara diputuskan, kebijakan keseluruhan rakyat diberi perhatian yang khusus agar ia tidak hanya memihak kepada kumpulan yang tertentu dan mengabaikan yang lain.²²

Matlamat untuk mendapatkan prestij pula dianggap akan meningkatkan reputasi dan status negara di peringkat antarabangsa dengan harapan ia akan memberikan faedah kepadanya. Setiap negara mahukan dirinya dihormati dan dipandang tinggi agar ia akan membawa keuntungan apabila negara itu berinteraksi dengan masyarakat antarabangsa. Selain itu kejayaan dan kesungguhan mempertahan dan mempromosikan matlamat ideologi negara dalam perhubungan antarabangsa menimbulkan tanda tanya kerana menurut penulis, sesetengah negara yang mengamalkan ideologi militan terpaksa memikirkan kesan yang bakal diterimanya dalam mempertahankan ideologinya dalam perhubungan politik antarabangsa. Akhir sekali, matlamat untuk mendapatkan kuasa dianggap penting untuk mencapai hasrat dan memperolehi prestij serta menjamin kepentingan negara di arena antarabangsa. Dengan meningkatnya kuasa dan kekuatan negara maka diharapkan dapat mempengaruhi pembentukan dasar luar kerana negara yang mempunyai kuasa besar akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk mempengaruhi orang lain supaya mengikut telunjuknya.

Arnold Wolfer dalam bukunya *Discord and Collaboration: Essays on International Politics*, pula membahagikan dasar luar kepada dua kategori iaitu pertama matlamat pemilikan dan kedua matlamat persekitaran²³. Menurut beliau matlamat pemilikan ialah mengekalkan sesuatu bangsa berasaskan nilai-nilai utama yang telah ia

²² ibid., hlm.10

²³ Arnold Wolfers, *Discord and Collaboration: Essays on International Politics*, Baltimore: John Hopkins Press, 1967, hlm. 40-41

nikmati dalam berbagai-bagai bidang termasuk ekonomi. Matlamat persekitaran pula merujuk kepada usaha sesebuah negara untuk mempengaruhi pembentukan satu suasana antarabangsa yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada negara itu tetapi juga kepada negara-negara lain. Apa yang diperjuangkan ialah mewujudkan dunia yang lebih aman dengan anggota-anggotanya menghormati undang-undang yang telah dipersetujui. Didapati bahawa dua matlamat yang diutarakan beliau tadi memenuhi kesemua matlamat yang disebutkan oleh Holsti dan Morgenthau.

Richard W. Cottam, dalam bukunya *Foreign Policy Motivation: A General Theory and A Case Study*, berpendapat sistem motivasi sebagai faktor penting dalam menentukan halatuju dasar luar sesebuah negara. Beliau memberi hujah bahawa motivasi sebagai faktor yang sangat mempengaruhi sesebuah kerajaan atau rakyatnya membuat keputusan dasar luar negara. Beliau yang melihat dasar luar negara dari sudut sistem motivasi (*motivational systems*) mengutarakan beberapa jenis sistem motivasi yang mempengaruhi pengurusan polisi luar sesebuah negara. Beliau berkata pertambahan populasi penduduk, kepentingan perdagangan, aspek pelaburan dalam dan luar negeri, dorongan partisipasi (*participation excitement*), ideologi budaya dan agama, kepentingan birokratik, ketenteraan, keinginan individu untuk mendapat kuasa politik dalam negeri dan luar negeri serta mementingkan imej tinggi negara telah memain peranan penting dalam mempengaruhi pembentukan dasar luar sesebuah negara.²⁴

Beliau, misalnya menjelaskan faktor motivasi populasi penduduk sebagai keinginan untuk menguasai wilayah asing bagi mengatasi masalah pertambahan bilangan

²⁴ Richard W. Cottam, *Foreign Policy Motivation: A General Theory and a Case Study*, University of Pittsburgh Press, 1977, hlm. 34-43

penduduk di negaranya. Ini bermakna dasar luar negara yang berupa dasar imperialisme akan menjadi dasar utama apabila formulasi polisi luar negara berkenaan dibentuk. Faktor motivasi yang bermatlamatkan melindungi kepentingan perdagangan, pelaburan dalam dan luar negeri yang menjadi asas dalam penentuan dasar luar negara juga adalah berkait rapat dengan dasar luar negara yang agresif. Manakala faktor motivasi berupa ketenteraan, imej negara (*grandeur*), dorongan partisipasi dan keinginan untuk berkuasa adalah ditafsirkan sebagai motivasi utama yang saling berhubungkait dengan ketenteraan atau tingkahlaku imperialisme. Richard W. Cottam mempercayai bahawa faktor-faktor yang disebutkan tadi adalah faktor-faktor penting yang mempengaruhi sesebuah negara untuk menentukan bentuk dasar luar negara apabila ia berinteraksi dengan masyarakat dunia luar.

David J. Mc Craw yang membuat perbandingan dasar luar negara New Zealand di bawah dua buah parti yang berlainan ideologi, mengemukakan beberapa faktor penting dalam pengurusan dasar luar negara membangun (*small states*).²⁵ Menurut beliau, dasar luar negara adalah dipengaruhi oleh faktor ekonomi, prinsip moral, kerjasama dan penglibatan negara dalam isu serantau dan antarabangsa. Beliau berpendapat kadar penglibatan negara dalam isu-isu antarabangsa dan jumlah bantuan kewangan yang dihulurkan kepada negara lain dijadikan faktor penting dalam pengurusan dasar luar negara. Walaubagaimanapun usaha sedemikian selalunya terbatas kerana sumber kewangan negara yang terhad. Selain itu, beliau berkata usaha memperjuangkan isu-isu serantau dan kepentingan perdagangan diutamakan dalam dasar luar negara kerana ia

²⁵ David J. McCraw, "New Zealand's Foreign Policy under National and Labour Governments: Variations on the "Small State" Theme," *Pacific Affairs*, Volume 62 Number 1 1994, hlm. 7-10

diharapkan dapat menjaga dan mempertahankan kepentingan negara tersebut di arena antarabangsa.²⁶

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam perhubungan antarabangsa, negara-negara kecil sentiasa memikirkan matlamat ekonomi apabila dasar luar negara digubal. Walaupun negara tersebut mungkin diperintah oleh parti yang berlainan ideologi, tetapi ia terpaksa bergantung kepada negara yang lebih besar kerana ingin memelihara kepentingan ekonominya. Begitu juga dengan faktor kerjasama, negara kecil adalah kurang berkemampuan untuk menjaga keselamatan negaranya, maka ia akan mengambil pendekatan dasar luar yang berteraskan perikatan dan terus mengharapkan pertolongan dari negara lain yang dianggap lebih kuat.²⁷

Johan Saravanamuttu berpendapat perubahan dasar luar se sebuah negara adalah satu usaha yang berterusan untuk memenuhi kepentingan negara dan ia sentiasa berubah mengikut perubahan persekitaran dan keperluan domestik. Oleh itu dasar luar negara adalah sebagai lanjutan daripada polisi domestik dan ia saling berkaitan dengan pertimbangan dan kepentingan dalam negara.²⁸

Murugesu Pathmanathan pula mengutarakan dua matlamat asas dalam pengurusan dasar luar sebuah negara. Matlamat asas yang pertama ialah mengekalkan kemerdekaan dan keselamatan; kedua ialah menjaga dan memajukan kepentingan saedah ekonominya. Beliau menjelaskan dasar luar negara amat dipengaruhi oleh dua unsur yang penting iaitu

²⁶ ibid.

²⁷ ibid., hlm. 14-17

²⁸ Johan Saravanamuttu, "Malaysia's Foreign Policy", 1957-1980, dlm. Zakaria Haji Ahmad (ed). *Government and Politics of Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 128.

unsur ideologi dan pendekatan analisa (*analytical approach*). Dari segi ideologi hubungan sesebuah negara dengan negara yang lain akan bergantung kepada ideologi yang diamalkan oleh negara tersebut samada demokratik, totalitarian, atau sosialisme. Manakala dari segi pendekatan analisa (*analytical approach*) pula unsur tradisi sejarah negara, kedudukan geografi, kepentingan nasional dan keselamatan adalah diberi pertimbangan yang serius.²⁹

Beliau menambah formulasi dasar luar negara membangun seperti Malaysia menunjukkan corak *quasi monopoly* iaitu dipengaruhi kepentingan peribadi satu kumpulan elit kecil yang dipengaruhi oleh faktor-faktor politik dalam negeri dan nilai-nilai serta fikirannya. Ini bermakna polisi luar menjadi tanggungjawab kumpulan yang kecil ini dan jika kumpulan ini mempunyai kepentingan peribadi berbanding dengan kepentingan nasional maka akan timbul jurang di antara kepentingan peribadinya dengan harapan rakyat.

Jelas bahawa dasar luar adalah penting bagi setiap negara di dunia ini. Melalui dasar luarlah, negara-negara memperjuangkan kepentingan nasional masing-masing daripada ancaman-ancaman. Dalam melaksanakan matlamat dasar luar itu, setiap negara akan memilih orientasi yang difikirkan boleh membawa keuntungan kepada mereka. Tidak syak lagi orientasi dasar luar yang dinamik dan strategik dapat menjamin dan memelihara kepentingan nasional iaitu mempertahankan kebebasan politik dan keutuhan wilayah serta kesejahteraan ekonominya.

²⁹ Murugesu Pathmanathan, *Dasar Luar Malaysia*, Petaling Jaya: Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 1990, hlm. 1

1.8 Metodologi Kajian

Kaedah analisis yang digunakan bagi mengkaji topik ini adalah kaedah kualitatif. Kaedah ini adalah amat sesuai memandangkan topik kajian adalah lebih tertumpu dan menitikberatkan tentang pandangan serta pendirian Dr. Mahathir Mohamad terhadap isu-isu yang melibatkan negara-negara membangun serta dasar dan amalan negara-negara maju yang menindas. Kaedah analisis yang berbentuk kualitatif ini adalah merujuk kepada kaedah penyelidikan perpustakaan untuk mengumpulkan data dan maklumat bagi menganalisis gaya kepimpinan Dr. Mahatir Mohamad.

Penyelidikan perpustakaan dijalankan untuk memperolehi maklumat dan data yang penting berkaitan dengan tajuk kajian. Ia bertujuan untuk mendapat gambaran yang ringkas mengenai latarbelakang kajian, kerangka konsepsual, kajian lepas dan maklumat lain yang berkaitan dengan permasalahan kajian. Bahan-bahan rujukan ini meliputi buku, majalah tempatan dan luar negeri, akhbar-akhbar, internet dan bahan-bahan bacaan yang lain.

1.9 Susunan Bab

Kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab. Bab-bab tersebut ialah seperti berikut:

Bab 1 Pengenalan

Dalam bab ini penulis antara lain menyenaraikan pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, limitasi kajian, dan susunan bab.

Bab II Konsep dan Kajian Lepas

Dalam bab ini penulis menjelaskan definisi konsep dasar luar dan menyenaraikan beberapa kajian yang lalu berkaitan dengan kajian ini.

Bab III Memperjuangkan Keadilan Ekonomi Negara-negara Membangun

Dalam bab ini penulis cuba menyelidik bagaimana Dr. Mahathir Mohamad dapat menggunakan kesempatan berucap di forum-forum antarabangsa untuk mengartikulasikan pendapatnya tentang ketidakadilan dasar ekonomi dan sikap barat terhadap negara-negara membangun.

Bab IV Membela Isu-isu Kemanusiaan Negara-negara Membangun

Dalam bab ini penulis akan membincangkan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam menyuarakan ketidakadilan dasar negara maju yang bersifat diskriminatif serta berpegang kepada prinsip politik yang bertentangan terhadap kebijakan dan kepentingan negara-negara membangun.

Bab V Mempertahankan Isu-isu Masyarakat Islam

Dalam bab ini, penulis cuba mengkaji isu-isu penting melibatkan masyarakat Islam yang cuba diketengahkan oleh beliau di arena antarabangsa. Juga dikaji apakah yang diutarakan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu diikuti dengan tindakan dan inisiatif yang konsisten daripada beliau bagi membantu masyarakat Islam negara-negara membangun yang ditindas oleh negara-negara maju.

Bab VI Kesimpulan dan Rumusan

Dalam bahagian ini penulis akan meninjau sejauhmanakah pendekatan dasar luar negara yang digunakan oleh Dr. Mahathir membawa kepada penonjolan imejnya sebagai jurucakap negara-negara membangun. Selain itu, dalam bab ini juga dianalisis dasar luar era Dr. Mahathir Mohamad yang berkepentingan ekonomi politik dan menilai perubahan dasar negara-negara maju khususnya Barat ke atas negara-negara membangun yang lain.